

**PM Ucap Takziah Kepada Keluarga Bekas Panglima No 1 Divisyen TUDM
Bernama
Oct 19, 2014**

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak pada Ahad merakamkan ucapan takziah kepada keluarga bekas Panglima No 1 Divisyen Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Mejar Jeneral Datuk Khairul Bakri Mustaffa yang meninggal dunia pada Jumaat.

"Takziah kepada keluarga bekas Panglima TUDM Mejar Jeneral Datuk Khairul Bakri Mustaffa yang kembali ke Rahmatullah. Al-Fatihah," kata Perdana Menteri dalam catatannya di laman Twitter di sini, pada Ahad.

Allahyarham Khairul Bakri, 61, yang bersara pada 25 Jun 2011 meninggal dunia di Turki ketika sedang bercuti bersama-sama keluarganya.

Allahyarham meninggalkan seorang balu Datin Bibi Sabariah Mohd Amin dan empat anak.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1078021>